

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) 06 OGOS 2021

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
 - Bahagian A : 30 Soalan Objektif
 - Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
 - Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:
 - Bahagian A : Semua Soalan
 - Bahagian B : 7 Soalan sahaja
 - Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

****** SEMOGA BERJAYA ******

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon adalah dikehendaki untuk menjawab semua soalan

1. Bagi pegawai yang masih mendiami perumahan Kerajaan lalu pegawai tersebut meninggal dunia, warisnya yang tinggal di rumah tersebut hendaklah mengosongkan rumah tersebut
 - a. setahun daripada tarikh pegawai tersebut meninggal dunia
 - b. 3 bulan daripada tarikh pegawai tersebut meninggal dunia
 - c. 6 bulan daripada tarikh pegawai tersebut meninggal dunia
 - d. pada tarikh tamat kontrak penyewaan rumah berkenaan
2. Seorang kakitangan dalam Bahagian IV yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 1 Disember 2020. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya?
 - a. 31 Disember 2021
 - b. 30 November 2021
 - c. 1 Januari 2022
 - d. 1 Disember 2021
3. Tatacara persuratan di antara Ketua Jabatan dengan Ketua Jabatan dalam kementerian yang sama adalah:
 - a. Bersurat dan memorandum
 - b. Bersurat (letterhead)
 - c. Memorandum
 - d. Minit
4. Dayang Hj Suriaty binti Hj Abu Hanifah adalah seorang Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I dalam jawatan tetap dengan sukatan gaji B3 dan berkhidmat selama 20 tahun. Dia memohon elaun cuti bagi dirinya, suaminya yang bekerja dengan Syarikat SPSS dan 5 orang anak yang berumur 17 tahun sedang menuntut di United Kingdom atas biasiswa Kementerian Pendidikan, 14 tahun, 12 tahun, 5 tahun bersekolah di sekolah swasta dan seorang anak damit berumur 2 tahun 6 bulan. Berapakah jumlah elaun cuti yang bakal diterimanya bagi dirinya dan keluarganya?
 - a. \$15,000
 - b. \$12,750
 - c. \$12,675
 - d. \$12,500

5. Perkara manakah yang tersenarai dibawah ini bukan perkara yang boleh digunakan untuk menamatkan lantikan percubaan seseorang pegawai?
 - a. Tidak lulus peperiksaan-peperiksaan yang ditentukan
 - b. Gagal untuk menamatkan tempoh percubaan
 - c. Tidak disokong untuk ditetapkan dalam Jawatan oleh Ketua Jabatan
 - d. Umur yang melebihi 40 tahun
6. Apakah hukuman bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan yang menerima atau memperolehi sebarang hadiah bagi melakukan mana-mana kerja rasminya [Bab 616]?
 - a. Penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda
 - b. Penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 8 tahun dan denda
 - c. Penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 9 tahun dan denda
 - d. Penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda
7. Tiga fokus Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) adalah seperti berikut:
 - a. Orang ramai, proses dan prestasi organisasi
 - b. Orang ramai, piawai dan sikap/etika
 - c. Orang ramai, prosedur dan sikap/etika
 - d. Orang ramai, tempoh masa dan etika kerja
8. Kebenaran memangku akan diberikan oleh pihak-pihak tertentu mengikut taraf jawatan dan tempoh memangku. Pihak manakah yang memberi kebenaran bagi jawatan yang dipangku melebihi 180 hari atau bagi menilai kebolehan dan kesesuaian seorang pegawai untuk ditetapkan (*substantive acting*) dalam jawatan yang dipangkunya?
 - a. Menteri
 - b. Setiausaha Tetap
 - c. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - d. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
9. Objektif Audit Dalaman menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 10/2003 adalah seperti berikut kecuali
 - a. Memastikan kawalan dalam mencukupi ke atas pengurusan kewangan
 - b. Mencegah/mengawal pecah amanah, penyelewengan, penyalahgunaan, pembaziran serta pemborosan
 - c. Membantu dalam mentadbir/ mengurus sumber manusia
 - d. Memastikan kelemahan-kelemahan dikesan lebih awal

-
10. Pencarum akan menerima manfaat bayaran bulanan (anuiti) daripada simpanan Persaraan Caruman Tambahan apabila mencapai umur 60 tahun untuk tempoh berapa tahun?
- a. Seumur hidup
 - b. 20 tahun
 - c. 15 tahun
 - d. 10 tahun
11. Apakah definisi Pegawai Penilai Semula dalam Sistem Penilaian Prestasi Kakitangan Perkhidmatan Awam?
- a. Ketua Jabatan
 - b. Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan mengawasi pekerjaan dan kesehajteraan serta menilai prestasi pegawai dan kakitangan yang didalam bidangkuasa arahnya secara langsung
 - c. Pegawai atau kakitangan yang terkandung dibawah pengawasan dan arahan pegawai yang lebih kanan
 - d. Pegawai yang lebih kanan dalam Kementerian/Jabatan berkenaan yang mempunyai hubungan secara langsung dalam pekerjaan dan pengawasan pegawai/kakitangan yang dikendalikan oleh pegawainya
12. Peperiksaan Peraturan-Peraturan Am (GO) dan Peraturan Kewangan (FR) dimandatorikan lulus bagi pegawai-pegawai berikut kecuali:
- a. Pegawai Kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Awam
 - b. Pegawai Kewangan
 - c. Juruaudit
 - d. Jurutera
13. Definisi fail meja adalah seperti berikut kecuali
- a. Dokumen rujukan dan panduan rasmi yang mengandungi maklumat-maklumat menyeluruh mengenai kementerian dan jabatan.
 - b. Dokumen rujukan untuk setiap pegawai dan kakitangan bagi menjalankan tugas hariannya
 - c. Panduan terperinci mengenai dengan tugas yang dijalankan oleh setiap individu
 - d. Mengandungi kedudukan pemegang tugas dalam jabatan, bahagian atau unit, peruntukan undang-undang dan peraturan yang dipakai serta carta atau aliran tugas

14. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007 menggariskan bahawa Setiausaha Tetap/ Ketua Jabatan dibolehkan memohon dan mengisikan kekosongan jawatan di kementerian/ jabatan secara bergaji hari bagi Lulusan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan. Bagi tujuan dan urusan ini, Setiausaha Tetap/ Ketua Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari. Pengerusi dan keramaian keahlian jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya
- a. Pegawai Pentadbir Kanan/Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dengan 6 orang
 - b. Ketua Jabatan/Ketua Bahagian Pentadbiran Kementerian dengan 5 orang
 - c. Timbalan Ketua Jabatan/Timbalan Ketua Bahagian Kementerian dengan 5 orang
 - d. Ketua Bahagian Jabatan/Ketua Bahagian Pentadbiran Kementerian dan 4 orang
15. Pekerja yang bersifat kepimpinan mempunyai dasar sifat yang berakhlak tinggi, berwibawa, sabar, tegas, bertanggungjawab, bijak merancang dan bijak dalam melaksanakan apa yang dirancangnya serta mampu menjadi contoh yang baik dan menjadi penggerak utama dan aspirasi bagi orang-orang bawahan atau orang-orang yang dipimpinnya. Ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja apakah ini?
- a. Bersih, jujur dan amanah amalan mulia
 - b. Beriltizam, keterbukaan dan akauntabiliti mengukuhkan keberkesanan
 - c. Qudwah dan qiyadah teladan kepimpinan
 - d. Sabar, tabah dan bersopan amalan terpuji.
16. Pusingan atau Proses Pelaksanaan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang teratur ada enam (6). Pusingan Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat adalah Pembentukan Jawatankuasa TPOR; Penggubalan TPOR; Promosi; Penyediaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan, Pusingan yang seterusnya adalah:
- a. Penilaian dan Penambahbaikan; Pemantauan
 - b. Pemantauan; Rebiu dan Penilaian dan Penambahbaikan
 - c. Pemantauan; Penilaian dan Penambahbaikan
 - d. Perancangan; Implementasi dan Rebiu
17. Merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012, Elaun Insentif bulanan akan diberhentikan jika pegawai-pegawai didalam proses diambil tindakan tatatertib; mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL); naik pangkat ke Bahagian I. Apakah satu keadaan lagi?
- a. Sepanjang tempoh pegawai menjalani cuti tidak bergaji
 - b. Mengambil cuti tahunan
 - c. Bertukar ke kementerian atau jabatan lain
 - d. Bertukar gelaran jawatan

18. Penilaian yang lebih menyebelahi kepada pegawai yang mencerminkan sifat dan keperibadian Pegawai Penilai. Apakah istilah kesan yang digunakan dalam penilaian prestasi dalam keadaan ini?
- Horns
 - Cermin
 - Halo
 - Recency
19. Ciri-ciri utama penilaian dan pemilihan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam bagi pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang seperti berikut:
- Personaliti, dedikasi, kreativiti, akauntabiliti dan disiplin
 - Keterampilan, dedikasi, kebolehharian, akauntabiliti dan disiplin
 - Personaliti, dedikasi, kebolehharian, akauntabiliti dan disiplin
 - Bakat, Dedikasi, kebolehharian, akauntabiliti dan disiplin
20. Jika seorang pegawai atau kakitangan dibenarkan untuk mengambil Cuti Khas menemani suami/ isteri bertugas diluar negeri, pegawai atau kakitangan tersebut akan
- terus menerima 100% gaji dan elaun-elaun
 - terus menerima 3/5 gaji dan elaun-elaun
 - terus menerima 3/5 gaji sahaja
 - dihentikan gaji serta elaun-elaun
21. Syarat kelayakan bagi mendapatkan kemudahan perumahan bagi warga Perkhidmatan Awam yang dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut kecuali
- Pegawai lelaki dalam Bahagian I, II, III dan IV dalam perkhidmatan Tetap atau Kontrak Asing
 - Pegawai lelaki dalam Bahagian I, II, III dan IV dalam perkhidmatan Kontrak Tempatan
 - Pegawai wanita dalam Bahagian I dan II dalam Perkhidmatan Tetap
 - Pegawai wanita dalam Bahagian III dan IV yang berstatus janda atau balu dan mempunyai tanggungan anak

22. Berapakah tempoh seseorang pegawai yang baru dilantik dibenarkan memangku jawatan tertentu?
- a. Setelah ditetapkan dalam jawatan
 - b. Setelah satu tahun perkhidmatan
 - c. Setelah 6 bulan perkhidmatan
 - d. Tiada had minima tempoh perkhidmatan
23. Pihak manakah yang berkuasa untuk membenarkan kenaikan Pelanjutan Mata Gaji (EB Khas) bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan?
- a. Ketua Jabatan
 - b. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - d. Jurukira Agung
24. Pegawai yang membuat permohonan menamatkan perkhidmatan terus sahaja berhenti atau meninggalkan pekerjaan tanpa mendapat kebenaran menamatkan perkhidmatan akan dikenakan tindakan tatatertib yang memungkinkan pegawai berkenaan
- a. Diberikan amaran keras
 - b. Dibuang kerja
 - c. Membayar satu bulan gaji
 - d. Disenarai hitamkan
25. Apakah tahap penilaian prestasi jika seorang pegawai itu mendapat penilaian 80%?
- a. Cemerlang
 - b. Sangat Baik
 - c. Baik
 - d. Memuaskan

26. Semua pegawai dan kakitangan Kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatannya dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5, Penggal 153. Jika peraturan ini gagal dipatuhi pegawai dan kakitangan itu boleh dijatuhkan:

- a. Hukuman penjara tidak lebih dari tujuh (7) tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000
- b. Hukuman penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000
- c. Hukuman penjara tidak lebih dari tujuh (7) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
- d. Hukuman penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000

27. Salah satu jawatan yang dibenarkan untuk dibayar Elaun Memangku semasa ketiadaan mereka bagi tempoh satu (1) hari atau lebih menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2008 iaitu:

- a. Pengarah Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Kerja Raya
- b. Pengarah Perkhidmatan Personnel, Jabatan Perkhidmatan Awam
- c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- d. Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya

28. Kadar pembayaran gaji bagi pegawai dan kakitangan wanita yang berkahwin mengambil cuti beranak yang telah berkhidmat selama 80 hari ialah:

- a. Gaji penuh
- b. Separuh gaji
- c. Elaun sahaja
- d. Tidak bergaji

29. Pegawai yang dikurniakan tambang menunaikan fardhu haji boleh memulakan cuti seperti berikut:

- a. Hari penerbangan bertolak ke Arab Saudi dan sehari selepas sampai ke negara ini
- b. Sehari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan sehari selepas sampai ke negara ini
- c. Dua hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan dua hari selepas sampai ke negara ini
- d. Dua hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan sehari selepas sampai ke negara ini

30. Cuti Khas menemani suami/ isteri yang bertugas di luar negeri diberikan dibawah kementerian atau agensi berikut kecuali

- a. Jabatan Perdana Menteri
- b. Kementerian Pertahanan
- c. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
- d. Agensi Pelaburan Brunei

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki untuk menjawab **tujuh (7) soalan sahaja**. Setiap soalan mempunyai **5 markah**.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Kaedah pengiklanan jawatan kosong.
2. Kadar pembayaran gaji pegawai bergaji hari mengikut kelulusan.
3. Skim Perkhidmatan.
4. Syarat yang membolehkan Wang Simpanan TAP dikeluarkan serta peratus pengeluaran yang dibenarkan.
5. Sila nyatakan jenis lantikan yang ditiadakan mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 8/2021. Nyatakan juga jenis lantikan yang masih dikekalkan dalam Perkhidmatan Awam.
6. Terangkan dengan memberikan contoh apa yang dimaksudkan dengan “Lantikan memangku dibenarkan pada peringkat 2 talian sahaja”.
7. Kadar bayaran bonus bagi Bahagian I, II, III, IV, V, Open Vote dan Gaji Hari.
8. Nyatakan 5 sahaja peperiksaan yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
9. Definisi Manual Prosedur Kerja (MPK).
10. Penetapan tarikh lahir dalam Perkhidmatan Awam menurut Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83.

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab **dua (2) soalan sahaja**. Setiap soalan mempunyai **17 ½ markah**.

SOALAN 1 – KELAKUAN DAN TATATERTIB

1. Haji Abdullah bin Haji Mukim telah meninggalkan pekerjaannya dan dikategorikan tidak hadir bekerja tanpa kebenaran. Terangkan peranan Ketua Jabatan dengan merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998 tatacara tindakan pegawai dan kakitangan tidak hadir bekerja tanpa kebenaran.
(6 Markah)
2. Nyatakan tiga (3) perhatian kepada Haji Abdullah bin Haji Mukim ketika digantung kerja?
(3 markah)
3. Awang Jamal bin Hussin telah menyerah diri dan memohon menjalani rawatan di rumah Al-Islah secara sukarela dan tidak ada mempunyai rekod jenayah penyalahgunaan dadah. Apakah tindakan yang akan diambil keatas Awang Jamal kerana ia menjalani rawatan selama 14 bulan dan disahkan pulih oleh Biro Kawalan Narkotik.
(2 markah)
4. Nyatakan apakah kedudukan gaji dan elaun termasuk elaun pelajaran serta bayaran balik wang pinjaman kereta dan rumah Kerajaan Awang Jamal bin Hussin selama menjalani rawatan berkenaan.
(6 markah)
5. Tindakan boleh diambil ke atas mereka yang berkenaan yang gagal untuk bertindak menurut tatacara Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998. Bagaimanakah tindakan yang dimaksudkan?
(½ markah)

SOALAN 2 – HAL EHWAL CUTI

1. Nyatakan keadaan dimana pegawai dan kakitangan tidak akan mendapat kelayakan Cuti Tahunan.
(7 markah)
2. Terangkan peraturan Cuti Beranak.
(5 markah)
3. Nyatakan 5 sebab Cuti Tanpa Catat boleh diberikan kepada pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam.
(5 markah)
4. Bilakah pegawai dan kakitangan yang baru kembali bertugas selepas bercuti boleh mengambil cuti yang seterusnya?
(½ markah)

SOALAN 3 – ELAUN-ELAUN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

1. Senaraikan 5 sahaja peraturan dan syarat-syarat Elaun Cuti.
(5 markah)
2. Elaun Sara Hidup (ESH) adalah untuk semua pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam. Sila nyatakan
 - a) keadaan yang dikecualikan daripada menerima ESH. (3 markah)
 - b) kadar ESH bagi Bahagian I sehingga V. (4 markah)
3. Elaun-Elaun yang tidak patut diterima apabila mengambil cuti tahunan melebihi 30 hari.
(2 markah)
4. Mulai 1hb Julai 2020, salah satu elaun yang berkaitan dengan perjalanan telah ditiadakan. Nyatakan elaun apakah itu.
(½ markah)
5. Had umur yang dikenakan bagi pembayaran Elaun Pelajaran.
(3 markah)